



DATARAN REGISTAN

8 HARI 6 MALAM KAZAKHSTAN + UZBEKISTAN

Almaty - Tashkent - Samarkand - Bukhara - Tashkent - Almaty

HARGA FIESTA

ALL-IN RM **5,890**

WARGA EMAS

ALL-IN RM **5,790**



MUSIM

Musim Bunga Mac - Mei
Musim Panas Jun - Ogos
Musim Luruh September - November
Musim Sejuk Disember - Februari



MATAWANG

Uzbekistani Som 1 UZS = RM0.00049
Kazakhstan Tenge 1 KZT = RM0.0011



PERBEZAAN WAKTU

Uzbekistan : - 5 Jam
Kazakhstan : - 6 Jam



HOTEL PENGINAPAN

| Destinasi | Bil. Malam | Hotel |
|-----------|------------|--|
| Almaty | 2 | Hotel Mercure City Centre Almaty / setaraf |
| Tashkent | 2 | Hotel Tourist Inn / setaraf |
| Bukhara | 1 | Hotel Porso / setaraf |
| Samarkand | 1 | Hotel Ideal / setaraf |

**HARI 1
KUALA LUMPUR - ALMATY**



Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Almaty. Setibanya di Almaty, tetamu akan dibawa makan malam sebelum ke hotel untuk berehat setelah melalui penerbangan yang panjang.

**HARI 2
ALMATY - BIG ALMATY LAKE**



Sarapan pagi di hotel. Hari ini tetamu akan dibawa melawat ke **Central State Museum** yang merupakan salah satu muzium terbesar di Asia Tengah. Kemudian ke **Republic Square**, dan boleh melihat **Monument of Independence** yang mempunyai ketinggian 91 kaki. Monumen ini melambangkan kemerdekaan rakyat Kazakhstan selain menggambarkan sejarah kekayaan Kazakhstan semasa zaman Queen Tomiris hingga ke zaman sekarang. Seterusnya, tetamu akan dibawa ke **Big Almaty Lake**, yang terbentang luas dan panorama gunung yang mengagumkan di sekelilingnya. Pasti pelbagai foto dan selfie menarik akan dapat dirakamkan di sini untuk dibawa pulang sebagai kenangan. Di sini tetamu mempunyai masa bebas untuk mengeksplorasi sekitar tasik ini. Makan malam dan daftar masuk hotel.

**HARI 3
ALMATY - TASHKENT**



Sarapan pagi di hotel sebelum bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Almaty untuk penerbangan ke Tashkent. Tiba di Tashkent, makan tengah hari sebelum melawat **Kukeldash Madrasah** iaitu madrasah pada zaman pertengahan di Tashkent, terletak berhampiran dengan Chorsu Bazaar dan stesen Metro Chorsu. Ia dibina sekitar tahun 1570 oleh raja-raja Dinasti Shaybanid. Madrasah ini dibina daripada batu bata kuning, dan mempunyai bentuk unik tradisional tempatan. Seterusnya, ke **Tashket Tower** setinggi 375 meter, merupakan Menara ke 11 tertinggi di dunia. Makan malam dan daftar masuk hotel.

**HARI 4
TASHKENT - BUKHARA**



Sarapan pagi di hotel. Hari ini tetamu akan bertolak ke Bukhara dengan menaiki keretapi laju Afrosiab. Tiba di **Bukhara**, tetamu akan dibawa melawat sekitar bandar Bukhara. Pada mulanya, tetamu akan melawat benteng paling purba di Bukhara sejak abad ke-4 bernama **Citadel Ark**, yang berfungsi sebagai istana untuk beberapa dinasti Empayar Bukhara pada masa lalu. Kemudian, tetamu akan melihat **Makam Samanids**. Seterusnya, melawat **Chashma Ayub**, yang bermaksud masjid Ayub dan Masjid Bolo-Hauz, yang juga tersenarai antara salah satu tapak warisan dunia UNESCO. Kemudian, tetamu mempunyai peluang untuk berjalan di sepanjang kubah beli-belah dan melawat salah satu madrasah paling terkenal di Bukhara yang dipanggil Nodir Divan Begi yang juga merupakan sebahagian daripada **Lyabi House Ensemble**, pusat bersejarah terkenal Bukhara. Lawatan akan berakhir dengan melawat **Kompleks Poi Kalon**, contoh seni bina unik Bukhara. Ia terdiri daripada tiga struktur yang dibina pada abad ke-12 hingga ke-16 iaitu Kalon minaret, masjid Kalon dan Mir Arab Madrasah. Makan malam dan daftar masuk ke hotel.

**HARI 5
BUKHARA - SAMARKAND**




Sarapan pagi di hotel. Bertolak ke stesen keretapi laju untuk menaiki keretapi ke **Samarkand**, yang terletak di lembah sungai Zerafshan. Ia adalah bandar kedua terbesar Uzbekistan. Tiba di sana, tetamu akan dibawa melawat ke **Kompleks Imam Al-Bukhari** yang terletak kira-kira 15 km dari bandar Samarkand. Selepas itu kita kembali semula ke bandar Samarkand. Tetamu akan dibawa melawat sekitar bandar Samarkand antaranya **Dataran Registan**, iaitu kompleks tiga Madrasah yang dibina sejak abad ke-15 hingga 17, dan tetamu pasti akan terpegun dengan keindahan dan keagungannya. Kemudian, ke **Shakhi-Zindeh**, kompleks seni bina yang merupakan koleksi besar makam sejak abad ke 11 hingga 15 yang menjadi sebahagian dari Tapak Warisan Dunia UNESCO. Seterusnya, **Mausoleum Guri Emir**. Makan malam dan daftar masuk hotel.



NATIONAL THEATRE



CHASHMA AYUB



8 Sep 2019

| KATEGORI HARGA | BILIK BERDUA | BILIK SEORANG | KANAK-KANAK BILIK BERDUA | KANAK-KANAK BERKATIL | KANAK-KANAK TANPA KATIL |
|----------------|--------------|---------------|--------------------------|----------------------|-------------------------|
| NORMAL | RM 6,490 | RM 6,890 | RM 6,490 | RM 6,190 | RM 5,990 |
| Warga Emas | RM 6,290 | RM 6,690 | | | |
| FIESTA | RM 5,890 | RM 6,290 | RM 5,890 | RM 5,590 | RM 5,390 |
| Warga Emas | RM 5,790 | RM 6,190 | | | |

HARI 6
SAMARKAND – TASHKENT

Sarapan pagi di hotel. Bertolak ke stesen keretapi untuk menaiki keretapi laju ke **Tashkent**. Lawatan bandar di Tashkent dimulakan dengan melawat **Independence Square** yang merupakan dataran utama negara ini, didirikan sebagai simbol kemenangan dalam Perang Dunia II. Kemudian tetamu akan mempunyai peluang untuk berjalan di sepanjang **Broadway**, iaitu jalan antara Independence Square dan Amir Timur Square. Kemudian tetamu akan melawat bahagian kota lama, termasuklah **Chorsu Bazaar**, **Kukaldash Madrasah** dan **Kompleks Hasf Imam** yang terdiri daripada beberapa madrasah, masjid dan muzium. Makan malam dan daftar masuk hotel.

HARI 7
TASHKENT - ALMATY - KUALA LUMPUR

Sarapan pagi di hotel. Tetamu mempunyai masa bebas sebelum bertolak ke Lapangan Terbang Antrabangsa Tashkent untuk penerbangan ke Almaty. Masa bebas sebelum menaiki penerbangan ke Kuala Lumpur.

HARI 8
KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

| HARI | PESAWAT | SEKTOR | ETD | ETA |
|------|---------|--------------------|------|--------|
| 01 | KC 936 | K. LUMPUR - ALMATY | 1055 | 1655 |
| 03 | KC 127 | ALMATY - TASHKENT | 1215 | 1250 |
| 07 | KC 128 | TASHKENT - ALMATY | 1420 | 1650 |
| 08 | KC 935 | ALMATY - K. LUMPUR | 2330 | 0940+1 |

Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
- Hotel penginapan bertaraf 3* - 4* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Cukai bandar (city tax) sekiranya memerlukan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bus persiaran.
- Ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Elaun bagasi (check-in) 20kg dan bagasi kabin 7kg.

Pakej Tidak Termasuk

- Insurans kembara (travel insurance) – sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebih had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk

